

Ibu bapa perlu beri perhatian pencapaian akademik anak

UB 6.5.2014 B14

KENINGAU: Ibu bapa berperanan penting di dalam membentuk masa depan anak dengan meletakkan sasaran atau cita-cita anak dengan memberi perhatian kepada pencapaian akademik.

Ketua Pemuda PBRs pusat Arthur Kurup berkata, tanggungjawab mendidik bukan terletak di tangan guru semata-mata tetapi ibu bapa perlu mengambil peranan.

“Ibu bapa atau penjaga harus melihat jauh ke hadapan tanpa memikirkan kelemahan atau kekurangan di persekitaran, sebaliknya menjadi cabaran dalam meneruskan cita-cita generasi muda,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian

Program Khidmat Masyarakat Kelab Hotelier Universiti Malaysia Sabah (UMS) di lembah Gunung Trusmadi, Kampung Sinua, Sook.

Arthur berkata, kerjasama ibu bapa dan guru penting sekiranya mereka mahu melihat kemajuan.

“Melahirkan modal insan perlu sokongan dan peranan dari semua pihak, termasuklah peranan yang disumbangkan oleh pelajar pusat pengajian tinggi yang diadakan di sini,” katanya.

Tambahnya, guru-guru harus peka kepada pembangunan serta pencapaian murid dan harus mencari jalan penyelesaian terhadap kelemahan murid.

Beliau turut menggesa masyarakat di kawasan luar bandar agar tidak menolak aktiviti yang melibatkan pembangunan modal insan ataupun aktiviti berkaitan pembangunan ekonomi yang dikendalikan oleh agensi kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan.

Dalam pada itu, beliau yang juga Naib Ketua Pemuda BN pusat berterima kasih kepada UMS kerana mengadakan program berkenaan.

“Semoga lebih banyak program seumpama ini dianjurkan di kawasan luar bandar khususnya untuk memberi input berguna kepada generasi muda kita,” katanya.



ARTHUR bersama pelajar UMS sempena program khidmat masyarakat di Kampung Sinua Sook.